



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (114-127)

Kesalahan Sebutan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

¹Loo Shu Jing & ²Nor Azwahanum Nor Shaid*

¹p130166@siswa.ukm.edu.my, ²azwahanum@ukm.edu.my

*Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Tarikh terima : 10 Mac 2025
Received
Terima untuk diterbitkan : 7 Mei 2025
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
Published online

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan untuk meneroka kesalahan sebutan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesalahan sebutan tersebut. Kajian ini dijalankan di sebuah SJJC di daerah Port Dickson, Negeri Sembilan dengan melibatkan 28 orang murid dan 2 orang guru sebagai peserta kajian. Reka bentuk kajian kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan kaedah ujian sebutan dan temu bual untuk mengutip data. Sehubungan itu, instrumen kajian yang digunakan ialah senarai kata dan protokol temu bual. Analisis kesalahan sebutan dalam kajian ini berpegang kepada Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) dan Teori Analisis Kesalahan Richards (1971). Data yang dikumpul dalam kajian ini dianalisis menggunakan teknik tematik berdasarkan transkripsi fonetik dan transkripsi temu bual yang dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid Cina melakukan kesalahan sebutan pada 11 fonem, iaitu digraf /gh/, /ny/, /ng/, /kh/ dan /sy/; konsonan /j/ dan /z/; serta vokal /e/, /a/ dan /i/; dan glotis /ʔ/. Manakala faktor yang mempengaruhi kesalahan sebutan murid Cina terdiri daripada kesalahan interlingual yang merangkumi faktor persekitaran, faktor bahasa ibunda dan faktor bahasa lain serta kesalahan intralingual yang meliputi faktor keluarga dan faktor guru mata pelajaran. Menjurus kepada hasil dapatan kajian ini, beberapa inisiatif perlu diambil bagi meningkatkan penguasaan kemahiran sebutan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di SJJC.

Kata kunci: Teori Analisis Kesalahan Corder (1981), Teori Analisis Kesalahan Richards (1971), kesalahan sebutan bahasa Melayu, kesalahan interlingual, kesalahan intralingual, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, teknik tematik

Malay Pronunciation Errors Among Chinese Students in Chinese Primary School

Abstract

This study was carried out to explore the Malay pronunciation errors among Chinese students at Chinese Primary School (SJJC) and identify the factors that affecting the pronuunciation errors. This study was conducted at a SJJC in Port Dickson, Negeri Sembilan involving 28 students and 2 teachers as study participants. Quanlitative research design is implemented by using the method of pronunciation test and interview to collect data. Accordingly, the research instruments used are word lists and interview protocols. The analysis of pronunciation errors in this study adheres to Corder's Error Analysis Theory (1981) and Richards' Error Analysis Theory (1971). The data collected in this study was analyzed using a thematic technique based on phonetic transcription and interview transcription. The findings of the study show that Chinese students make pronunciation mistakes on 11 phonemes, namely the digraphs /gh/, /ny/, /ng/, /kh/ and /sy/; consonants /j/ and /z/; as well as vowels /e/, /a/ and

/i/; as well as the glottis /ʔ/. While the factors that influence Chinese students' pronunciation mistakes consist of interlingual errors that include environmental factors, mother tongue factors, other language factors as well as intralingual errors that include family factors and subject teacher factors. Based on the findings of this study, several initiatives need to be taken to improve the mastery of Malay pronunciation skills among Chinese students at SJKC.

Keywords: *Corder's Error Analysis Theory (1981), Richards' Error Analysis Theory (1971), Malay pronunciation errors, interlingual errors, intralingual errors, Chinese Primary School, thematic technique*

1. Pengenalan

Pada peringkat sekolah rendah, elemen sebutan dalam bahasa Melayu ditaksir melalui modul kemahiran membaca. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu sekolah rendah menuntut pengajaran kemahiran membaca berfokuskan kemampuan murid membaca dengan sebutan yang tepat, intonasi yang sesuai, jeda yang betul dan kelancaran yang baik. Penekanan diberikan kepada aspek pemahaman dan penaakulan terhadap bahan secara kritis serta berupaya menghayati teks yang dibaca. Manakala pada peringkat sekolah menengah pula, khususnya pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sebutan dimasukkan sebagai salah satu konstruk yang diuji dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) Bahasa Melayu. Dalam ULBS Bahasa Melayu SPM, konstruk yang diuji termasuklah tatabahasa dan kosa kata, sebutan, intonasi dan nada, kefasihan serta bermakna. Maka boleh dirumuskan bahawa elemen sebutan ditaksir di bawah kemahiran membaca di peringkat sekolah rendah, manakala peringkat sekolah menengah ditaksir di bawah kemahiran mendengar dan bertutur (lisan). Walau bagaimanapun, pemberatannya tidak tinggi. Dengan kata lain, elemen sebutan bukan keutamaan dalam pentaksiran tersebut. Sebaliknya penekanan diberikan kepada pemahaman makna bahan yang dibaca dan kandungan makna dalam ujaran yang disampaikan.

Ian Antaris dan Fikriani (2019) dalam kajiannya menerangkan bahawa kesukaran sebutan yang dihadapi oleh murid dalam bahasa kedua disebabkan oleh kekurangan sokongan persekitaran. Rata-rata murid Cina menghadapi masalah sebutan kerana persekitaran dalam kehidupan seharian mereka tidak menyediakan peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa Melayu. Mereka hanya berpeluang menggunakan bahasa Melayu di sekolah semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu berlangsung di sekolah. Murid Cina di SJKC turut didapati menghadapi gangguan atau kecelaruan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Chew (2016), Nora' Azian dan Fadzilah (2018) serta Nor Zulaiqha et al. (2021) dalam kajian mereka masing-masing mengemukakan bahawa pengaruh bahasa ibunda merupakan gangguan utama dalam pembelajaran bahasa kedua sehingga menyebabkan berlaku kesalahan dari segi sebutan. Alhaadi dan Zaitul (2018) menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa kedua oleh murid Cina adalah tidak sama proses pemerolehan bahasa pertama mereka. Hal ini kerana murid Cina akan terbawa-bawa struktur nahu bahasa pertama dalam penggunaan bahasa kedua dalam pertuturan dan penulisan. Maka jelaslah bahawa pengaruh bahasa ibunda yang menyimpang daripada norma linguistik dengan bahasa kedua yang dipelajari akan memberi kesan dalam aspek lisan dan bertulis. Perbezaan aspek linguistik dari struktur bahasa yang wujud antara bahasa ibunda dan bahasa kedua menyebabkan murid Cina cenderung melakukan kesalahan semasa menyebutkan bahasa Melayu. Selain itu, kaedah pengajaran bahasa Melayu, khususnya aspek sebutan kepada murid bukan penutur natif menyumbang kepada masalah kesalahan sebutan dalam kalangan murid tersebut. Lazimnya, pengajaran bahasa Melayu lebih kepada penggunaan kaedah suku kata. Murid diajar untuk mengeja nama huruf dan menyebut bunyi suku kata tersebut. Jayapalan dan Pillai (2017) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran sebutan di Malaysia kurang diberi perhatian. Oleh itu, aspek fonetik dan fonologi sering diabaikan dalam pertuturan dan aktiviti membaca murid. Sesungguhnya, masalah sebutan turut berkait rapat dengan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Hal ini demikian kerana kegagalan murid menyebut perkataan mengikut rumus fonologi adalah disebabkan oleh pengajaran asas kemahiran membaca yang tidak menitikberatkan bunyi fonem dalam bahasa Melayu.

Sehubungan itu, lopong kajian adalah kurang kajian yang dijalankan khususnya untuk meneliti masalah kesalahan sebutan dalam kalangan penutur bukan natif bahasa Melayu secara spesifik di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti kesalahan sebutan bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid Cina.

2. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesalahan sebutan yang dilakukan oleh murid Cina.

2. Sorotan Literatur

Kajian-kajian lepas yang dijalankan lebih berfokus kepada penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid. Nora' Azian dan Fadzilah (2018) dalam hasil dapatan kajiannya menunjukkan bahawa sebanyak 55.7% murid Tahun 4 di SJK daerah Kuantan masih tidak fasih dalam berbahasa Melayu. Analisis menunjukkan bahawa kebanyakan murid berada pada tahap penguasaan 1 hingga 3. Tahap kemahiran bertutur dalam kalangan responden kajian ini adalah pada tahap sederhana. Murid hanya mampu menuturkan perkataan yang lazim digunakan dengan keadaan tidak lancar. Kajian Nor Zulaiqha et al. (2021) juga menunjukkan bahawa murid Cina mempunyai tahap penguasaan kemahiran bertutur yang sederhana. Kelemahan kemahiran bertutur tersebut menyebabkan mereka cenderung melakukan kesilapan semasa membunyikan fonem-fonem tertentu dalam bahasa Melayu seperti fonem /r/, /z/, /p/, /ŋ/ dan /x/. Kajian Durgadevi, Mardian dan Nurul Haniza (2022) turut menyokong bahawa murid SJKT tidak cekap dalam berbahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan bahawa murid SJKT di daerah Seremban menghadapi kesukaran dalam pertuturan dari segi pengguguran kata sendi, kesalahan penggunaan kata ganti nama diri, struktur ayat, penukaran kod bahasa, kosa kata tidak tepat dan kesalahan penggantian fonem vokal. Dari segi kesalahan sebutan, kajian tersebut menunjukkan bahawa murid India kerap melakukan penggantian fonem vokal /ə/ kepada /i/ dan fonem /ə/ kepada /a/.

Dari aspek kemahiran membaca dan menulis pula, Nora' Azian (2020) dalam kajiannya menunjukkan bahawa murid bukan penutur natif di SJK daerah Kuantan mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis yang sederhana. Responden kajian didapati tidak lancar dalam membaca bahasa Melayu dan tidak mahir menulis menggunakan bahasa Melayu standard. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa murid bukan penutur natif keliru dengan bahasa ibunda semasa membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Analisis dapatan kajian menunjukkan sebanyak 65% responden berada pada tahap lemah dalam kemahiran menulis, iaitu antara tahap penguasaan 1 hingga 3. Analisis mendapati bahawa murid bukan penutur natif lemah dalam menghuraikan idea yang ingin diketengahkan. Mereka cenderung menggunakan perkataan dalam bahasa Cina atau bahasa Inggeris untuk menggambarkan perkataan yang tidak diketahui dalam bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan pertuturan dan penulisan yang dihasilkan oleh murid bukan penutur natif mempunyai sifat hafalan. Chew (2023) dalam kajiannya juga menyokong bahawa murid Tahun 1 SJKC mempunyai tahap literasi menulis yang lebih rendah berbanding murid Tahun 1 SK. Secara ringkas, banyak kajian yang menunjukkan bahawa murid bukan penutur natif, iaitu murid Cina dan murid India di SJK masih menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran bahasa dalam bahasa Melayu, baik dari aspek kemahiran bertutur, kemahiran membaca mahupun kemahiran menulis.

Masalah kesalahan sebutan dalam kalangan penutur bukan natif bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Malah pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di luar negara turut menghadapi masalah yang sama. Dalam hal ini, Nora' Azian dan Fadzilah (2018) menegaskan bahawa alat artikulasi murid bukan penutur natif sudah biasa dan terlatih untuk menyebut bunyi fonem dalam bahasa ibunda. Oleh itu, mereka akan mengalami masalah bawaan daripada bahasa pertama. Eugenia et al. (2021) menjalankan kajian terhadap kesalahan sebutan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa di Universiti Sabah Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan penutur natif bahasa Inggeris cenderung melakukan kesilapan semasa mengujarkan bunyi konsonan berganding /θ/ dan /ð/ kepada bunyi /d/ dan /t/. Misalnya, fonem /ð/ dalam perkataan "*that*" dan "*this*" disebut salah sebagai [dæt] dan [dis]. Manalaka bunyi fonem /θ/ dalam perkataan "*thing*" dan "*healthy*" disebut salah sebagai [tɪŋ] dan ['hɛlti]. Hasil kajian Yusriati dan Selamat (2019), Andi Idayani (2019) dan Ni Luh Rara et al. (2020) juga menunjukkan bahawa kesilapan sebutan berlaku pada bunyi konsonan /θ/, /ð/, /z/ dan /ʃ/ serta bunyi vokal /æ/, /e/, /ɔ/ dan /u/ oleh penutur bukan natif bahasa Inggeris. Kajian Ni Luh Rara et al. (2020) mendapati bahawa penutur bukan natif bahasa Inggeris melakukan kesalahan membunyikan konsonan /ʃ/ seperti dalam perkataan "*she*" dan "*shock*" disebut salah sebagai [si] dan [sak]. Manakala kesalahan sebutan bunyi vokal /æ/ bahasa Inggeris berlaku kerana kekeliruan dengan bunyi vokal /e/, iaitu perkataan "*that*" dan "*happy*" disebut salah sebagai [dæt] dan [hepi]. Manakala vokal /u/ dalam bahasa

Inggeris mempunyai sebutan seperti /ʌ/, /ju/, dan /ə/. Kesalahan sebutan dalam kajian berlaku pada perkataan seperti “usual” dan “difficult” dengan sebutan yang salah [usuəl] dan [dɪfɪkʌlt].

Namun, kajian mengenai kesalahan sebutan bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid Cina masih belum dikaji secara mendalam dan terperinci. Daripada kajian berkenaan penguasaan kemahiran bahasa murid, pengkaji-pengkaji mengemukakan masalah bahawa murid menghadapi kesukaran atau masalah semasa menyebut fonem-fonem tertentu dalam bahasa Melayu. Chew (2016) merumuskan bahawa murid Cina menghadapi kesukaran dalam membunyikan fonem /m/, /n/, /l/, /r/, /d/, /t/ dan konsonan bergabung /sy/, /ny/ dan /ng/. Hasil kajian Nora’ Azian dan Fadzilah (2018) menunjukkan bahawa murid Cina tidak dapat menyebut fonem /r/ dan /b/ dengan tepat. Hasmidar, Mardian dan Puteri Roslina (2018) dalam kajiannya turut mengemukakan bahawa penutur jati bahasa Mandarin mengalami kesukaran besar untuk membunyikan getaran /r/ kerana bunyi ini kurang wujud dalam bahasa Mandarin. Begitu juga dengan perbezaan fitur dari segi fonetik antara huruf /d/ dengan /t/, /b/ dengan /p/ serta /c/ dengan /j/ dan /z/. Analisis dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa murid Cina melakukan penggantian fonem /r/ kepada /l/ seperti dalam perkataan “lari” dan “mereka” disebut salah sebagai [la.li] dan [mə.le.ka]. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak berfokus kepada pengujian sebutan murid terhadap setiap fonem dalam bahasa Melayu. Maka, kajian ini dijalankan bagi melanjutkan penemuan dapatan kajian-kajian lepas dengan menguji penguasaan kemahiran murid bukan penutur natif dari segi sebutan.


2.1. Kerangka Konseptual

Menjurus kepada permasalahan yang dikaji dalam penyelidikan ini, Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) dan Teori Analisis Kesalahan Richards (1971) merupakan rujukan utama. Kerangka teori dalam kajian ini diadaptasi daripada dua teori tersebut. Kesalahan sebutan dikaji dengan mendasari Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Kesalahan sebutan dikenal pasti mengikut fonem vokal dan konsonan dalam bahasa Melayu. Terdapat 33 fonem dalam bahasa Melayu yang merangkumi 25 fonem asli dan lapan fonem pinjaman (Indirawati, 2024). Pengkaji menguji kesemua fonem dalam kajian ini melalui instrumen kajian yang dibina.

Manakala faktor berlakunya kesalahan sebutan dikaji berpandu kepada Teori Analisis Kesalahan Richards (1971). Teori ini mengutarakan kesalahan sebutan berlaku kerana kesalahan intralingual dan kesalahan interlingual. Kesalahan intralingual merujuk kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar akibat menghadapi kesukaran dalam memahami sistem atau rumus bahasa kedua. Kesalahan interlingual pula berlaku melalui pemindahan maklumat daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menekankan bahawa kesalahan sebutan yang berlaku tidak mengambil kira faktor gangguan dan kecacatan artikulasi. Kerangka konseptual kajian ini adalah seperti Rajah 1 di bawah.

Rajah 1

Kerangka konseptual kesalahan sebutan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina



3. Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kajian kes. Justifikasi pemilihan kajian kes ialah reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji meneroka dengan lebih mendalam tentang masalah kesalahan sebutan dalam bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid Cina melalui data yang

dikumpul. Dalam hal ini, kajian ini menggunakan kaedah ujian sebutan dan kaedah temu bual untuk mengumpul data tentang kesalahan sebutan murid Cina dan faktor yang mempengaruhi berlakunya kesalahan sebutan. Satu set senarai kata yang mengandungi 67 perkataan yang melibatkan pengujian terhadap sebutan 25 fonem bahasa Melayu digunakan sebagai instrumen kajian untuk ujian sebutan. Senarai kata tersebut diadaptasi daripada instrumen kajian Norzahwarthy (2006) serta instrumen kajian Lim dan Lim (2017). Dalam kajian ini, peserta kajian terdiri daripada 28 orang murid tahap dua berbangsa Cina dan dua orang guru yang mengajar tahap dua. Kajian ini memilih murid tahap dua yang telah menguasai kemahiran membaca bagi melancarkan pelaksanaan ujian sebutan yang akan dijalankan oleh pengkaji untuk mengumpul data. Hal ini penting bagi memastikan keupayaan murid menyebut perkataan dalam ujian tersebut secara individu tanpa dibimbing oleh pihak lain. Manakala protokol temu bual yang diadaptasi daripada kajian Ian Antaris dan Fikriani (2019) digunakan untuk menyokong penemuan data faktor berlakunya kesalahan sebutan daripada maklumat demografi murid. Temu bual dilaksanakan terhadap dua orang guru yang mengajar bahasa Melayu tahap dua di lokasi kajian. Kaedah tematik digunakan untuk menganalisis transkripsi fonetik dan transkripsi temu bual. Catatan nota lapangan juga dianalisis untuk mengenal pasti kesalahan sebutan pada perkataan dalam senarai kata serta faktor yang mempengaruhinya berlakunya kesalahan sebutan tersebut.

4. Dapatan Kajian

4.1 Kesalahan Sebutan yang Dilakukan oleh Murid Cina

Analisis transkripsi fonetik terhadap ujian sebutan mendapati bahawa terdapat 22 kesalahan daripada 67 perkataan yang diuji. Sebutan murid dikenal pasti sebagai salah jika sebutan mereka tersasar daripada sebutan bahasa Melayu baku yang dikemukakan Dewan Bahasa dan Pustaka (1988). Perkataan yang disebut salah oleh murid Cina semasa ujian sebutan adalah seperti Jadual 1 di bawah. Transkripsi fonetik sebutan pada perkataan yang dikenal pasti juga disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Kesalahan sebutan murid yang tersasar daripada sebutan bahasa Melayu baku

Bil	Perkataan	Sebutan Bahasa Melayu Baku	Sebutan Murid
1.	kita	[ki.ta]	[ki.tə]
2.	saat	[sa.ʔat]	[sat]
3.	dacing	[da.ciŋ]	[dan.siŋ], [da.siŋ]
4.	mesej	[me.sej]	[mə.səj], [məs.ja], [me.sed], [mə.sid]
5.	rusa	[ru.sa]	[ru.sə]
6.	nasi	[na.si]	[na.siʔ]
7.	nenas	[nə.nas]	[ne.nas]
8.	kenyang	[ke.ɲaŋ]	[ken.jaŋ], [ke.ya]
9.	nger	[ŋe.ri]	[nə.gə.ri]
10.	bangun	[ba.ŋuŋ]	[ban.guŋ], [ba.gu]
11.	bising	[bi.siŋ]	[bi.seŋ]
12.	takrif	[tak.rif]	[ta.rif]
13.	van	[van]	[ven]
14.	televisyen	[te.le.vi.ʃən]	[te.li.vi.ʃən], [tə.li.vi.sən]
15.	lafaz	[la.faz]	[la.fas], [la.fa], [la.faf]
16.	syarat	[ʃa.rat]	[sia.rat], [sa.rat]
17.	temasya	[tə.ma.ʃa]	[tə.mas.ya], [tə.ma.sia], [tə.ma.sa], [tə.mas.ja], [tə.ma.ja]
18.	khamis	[xa.mis]	[ka.mis]
19.	akhir	[a.xir]	[a.hir], [ak.hir]
20.	tarikh	[ta.rix]	[ta.riʔ]
21.	ghairah	[ɣai.rah]	[gai.rah], [gah.rah], [ga.i.rah], [ga.rah], [ga.hi.rah], [gai.ra], [ga.hi.ri]
22.	baligh	[ba.liy]	[ba.li.ga], [ba.lih], [ba.li], [ba.liŋ], [ba.liʔ]

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji telah merumuskan kekerapan dan peratusan kesalahan sebutan setiap perkataan di bawah Jadual 2.

Jadual 2

Kekerapan dan peratusan kesalahan sebutan pada perkataan yang dilakukan oleh murid Cina

Bil	Perkataan	Kekerapan	Peratusan (%)
1.	kita	4	14.29
2.	saat	2	7.14
3.	dacing	3	10.71
4.	mesej	12	42.86
5.	rusa	1	3.57
6.	nasi	11	39.29
7.	nenas	1	3.57
8.	kenyang	13	46.43
9.	ngeri	11	39.29
10.	bangun	12	42.86
11.	bising	3	10.71
12.	takrif	1	3.57
13.	van	11	39.29
14.	televisyen	16	57.14
15.	lafaz	4	14.29
16.	syarat	2	7.14
17.	temasya	13	46.43
18.	khamis	4	14.29
19.	akhir	5	17.86
20.	tarikh	8	28.57
21.	ghairah	18	64.29
22.	baligh	26	92.86
	22	181	29.38

Berdasarkan Jadual 2 di atas, perkataan yang banyak berlaku kesalahan sebutan ialah “baligh” dengan kekerapan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 26 (92.86%), diikuti dengan perkataan “ghairah” dengan kekerapan sebanyak 18 (64.29%). Manakala perkataan yang berlaku kesalahan sebutan pada kekerapan yang sederhana terdiri daripada perkataan “televisyen” dengan kekerapan sebanyak 16 (57.14%), diikuti dengan perkataan “kenyang” dan “temasya” dengan kekerapan sebanyak 13 (46.43%), diikuti dengan perkataan “mesej” dan “bangun” dengan kekerapan sebanyak 12 (42.86%), diikuti dengan perkataan “nasi”, “ngeri” dan “van” dengan kekerapan sebanyak 11 (39.29%). Manakala perkataan yang berlaku kesalahan sebutan pada kekerapan rendah ialah “tarikh” dengan kekerapan sebanyak 8 (28.57%) Perkataan “akhir” dengan kekerapan sebanyak 5 (17.86%), diikuti dengan perkataan “kita”, “lafaz” dan “khamis” dengan kekerapan sebanyak 4 (14.29%). Seterusnya, perkataan “dacing” dan “bising” dengan kekerapan sebanyak 3 (10.71%), diikuti dengan perkataan “saat” dan “syarat” dengan kekerapan sebanyak 2 (7.14%) Perkataan “rusa”, “nenas” dan “takrif” berlaku kesalahan pada kekerapan yang paling sedikit, iaitu sebanyak 1 (3.57%).

Daripada kesalahan sebutan yang berlaku pada 22 perkataan itu, pengkaji merumuskan bahawa kesalahan tersebut berlaku pada 11 fonem, iaitu /j/, /z/, /sy/, /kh/, /gh/, /ny/, /ng/, /e/, /a/, /i/ dan /ʔ/. Purata peratusan berlaku kesalahan sebutan pada 11 fonem yang dikenal pasti adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Purata peratusan kesalahan sebutan mengikut fonem

Bil.	Fonem	Purata Peratusan (%)
1.	Fonem /j/	42.86
2.	Fonem /z/	14.29
3.	Fonem /sy/	15.47
4.	Fonem /kh/	20.24
5.	Fonem /gh/	78.58
6.	Fonem /ny/	46.43
7.	Fonem /ng/	41.08
8.	Fonem /e/	42.86

9.	Fonem /a/	19.05
10.	Fonem /i/	10.71
11.	Fonem /ʔ/	5.36

Analisis menunjukkan bahawa fonem /gh/ paling sukar disebut oleh murid Cina dengan peratusan kesalahan paling tinggi, iaitu sebanyak 78.58%. Peratusan kedua tinggi berlaku pada fonem /ny/ dengan peratusan sebanyak 46.43%. Diikuti dengan fonem /j/ dan /e/ dengan peratusan sebanyak 42.86%. Seterusnya ialah fonem /ng/ yang berlaku kesalahan dengan peratusan sebanyak 41.08%. Manakala fonem lain hanya berlaku kesalahan pada peratusan yang rendah, iaitu fonem /kh/ sebanyak 20.24%, /a/ sebanyak 19.05%, /sy/ sebanyak 15.14%, /z/ sebanyak 14.29% dan /i/ sebanyak 10.71% Fonem /ə/ mencatat peratusan kesalahan yang paling rendah, iaitu sebanyak 3.57%.

4.2 Faktor Yang Mempengaruhi Kesalahan Sebutan Murid Cina

Analisis maklumat demografi murid berjaya mengenal pasti empat faktor yang mempengaruhi kesalahan sebutan berdasarkan soal selidik yang diisi oleh murid sebelum menjalankan ujian sebutan. Faktor yang dikenal pasti merangkumi faktor keluarga, faktor persekitaran, bahasa ibunda dan bahasa lain. Keempat-empat faktor ini turut disokong oleh dapatan temu bual bersama dua orang guru yang mengajar murid yang terlibat. Namun begitu, dapatan temu bual mendapati satu penambahan faktor yang mempengaruhi kesalahan sebutan murid, iaitu faktor guru mata pelajaran.

4.2.1 Faktor Keluarga

Analisis demografi murid menunjukkan bahawa bahasa pertuturan utama murid di rumah bersama ahli keluarga ialah bahasa ibunda, iaitu bahasa Cina. Hal ini turut disokong oleh guru yang ditemu bual. Mereka menyatakan bahawa terdapat ibu bapa yang tidak pandai bercakap bahasa Melayu. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa murid daripada keluarga seperti ini hanya terdedah kepada bahasa Melayu pada PdPc bahasa Melayu berlangsung di sekolah sahaja. Hasil kajian ini disokong oleh petikan temu bual berikut:

“... bagi saya keluarga banyak pengaruh juga. Macam sekolah sini, memang ada parents yang memang tak faham bahasa Melayu dan tak pandai tutur bahasa Melayu dengan baik. Oleh itu, pendedahan bahasa Melayu di rumah memang tiada la. Boleh dikatakan mereka hanya cakap bahasa Melayu di sekolah.” (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024).

Analisis demografi juga menunjukkan bahawa bahasa pertuturan yang kedua banyak digunakan di rumah ialah bahasa Inggeris. Jelaslah bahawa masyarakat Cina lebih cenderung mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua berbanding bahasa Melayu yang berkedudukan sebagai bahasa kebangsaan. Perkara ini turut disokong oleh temu bual bersama guru. Ibu bapa yang mengendahkan kelemahan anak mereka terhadap bahasa Melayu. Mereka beranggapan bahawa tidak menjadi masalah kepada anak mereka jika tidak menguasai bahasa Melayu kerana mereka boleh menghantar anak mereka ke Sekolah Menengah Persendirian Cina atau Sekolah Antarabangsa serta menghantar anak untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara yang menggunakan bahasa Cina atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Persepsi ibu bapa yang seperti ini lagi memberi peluang kepada anak mereka untuk tidak belajar bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh. Hasil kajian ini disokong oleh petikan temu bual berikut:

“... Lagi-lagi budak yang besar cam tahun 6 kan bila kita tegur dia akan kata dia akan pergi sekolah persendirian... Jadi, seperti yang saya cakap dengan cikgu tadi peranan ibu bapa tu sangat penting...” (Norhafiza, komunikasi personal, 24 Oktober 2024).

4.2.2 Faktor Persekitaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid tinggal di kawasan bandar, iaitu seramai 16 orang. Kebanyakan murid juga tinggal di kawasan yang populasi kaum terdiri daripada kaum Cina, iaitu seramai 12 orang murid. Walaupun terdapat seramai 10 orang murid tinggal di kawasan yang populasi

kaum terdiri daripada berbilang kaum, namun murid tidak atau jarang bergaul dengan jiran berlainan kaum. Maka, penggunaan bahasa Melayu juga tidak berlaku di komuniti jiran murid. Penyataan ini bertepatan dengan dapatan temu bual bersama guru melalui petikan temu bual berikut:

“... Tapi ikut yang saya tahu, sisiobudaya, sosioekonomi murid sini tak banyak la yang memerlukan dia bertutur dalam bahasa Melayu, melainkan di sekolah...” (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024).

Selain itu, analisis juga menunjukkan bahawa bahasa pertuturan utama murid di sekolah juga merupakan bahasa Cina. Seperti yang dinyatakan oleh guru dalam temu bual, enrolmen murid mengikut kaum di tempat kajian ialah 50% kaum Cina, 28.8% kaum Melayu, 20% kaum India dan 1.2% kaum lain-lain. Penyataan ini turut dikemukakan dalam temu bual bersama guru seperti berikut:

“... Kadang-kadang faktor kawan juga. Kalau dalam kalangan kawan-kawan dia sejenis, maksudnya sama kaum. Dia tidak boleh membaiki kemahiran dia tu...” (Norhafiza, komunikasi personal, 24 Oktober 2024).

Guru menegaskan bahawa apabila murid SJKC masuk ke sekolah menengah, mereka mampu bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar. Hal ini kerana bahasa pengantar untuk PdPc di sekolah menengah tidak lagi berbeza mengikut aliran. Murid bergaul dengan rakan berbilang kaum dan guru yang mengajar majoriti terdiri daripada guru Melayu. Tambahan pula, bahasa pengantar semasa PdPc untuk semua mata pelajaran juga merupakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris kecuali mata pelajaran bahasa ibunda masing-masing. Oleh itu, hal ini telah memberi tekanan kepada murid bukan penutur natif bahasa Melayu untuk menggunakan bahasa Melayu bagi membolehkan mereka berinteraksi dengan kawan lain.

4.2.3 Faktor Bahasa Ibunda

Dapatan kajian daripada maklumat demografi ternyata menunjukkan bahawa bahasa pertuturan murid di rumah dan di sekolah ialah bahasa Cina. Hal ini menunjukkan bahawa murid terikat kepada sebutan dalam bahasa Cina. Walaupun kedua-dua sebutan bahasa Cina dan Melayu menggunakan huruf rumi, namun terdapat perbezaan dari aspek sistem fonetiknya seperti yang dikemukakan oleh guru dalam temu bual seperti berikut:

“... pengaruh pinyin tulah yang paling kuat sekali. Sebab saya perasaan, ada murid bila kita suruh sebut perkataan yang ada bunyi /b/, dia tak kan bunyi [beh], dia lebih kepada bunyi /p/.” (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024).

Perbezaan antara sistem fonetik bahasa Melayu dengan bahasa Cina sangat ketara dilihat pada huruf /b/, /p/, /d/, /t/, /g/, /k/, /j/ dan /z/. Lazimnya, murid Cina akan cenderung menyebut perkataan bahasa Melayu yang mengandungi huruf-huruf tersebut dalam sebutan mengikut sistem fonetik bahasa Cina. Selain itu, huruf /e/ dalam sistem fonetik bahasa Melayu mempunyai dua bunyi, iaitu e pepet dan e taling juga berbeza dengan sistem fonetik bahasa Cina yang hanya mempunyai satu bunyi. Terdapat juga beberapa fonem bahasa Melayu yang tidak wujud dalam sistem fonetik bahasa Cina seperti fonem digraf seperti /kh/, /gh/, /ny/ dan /sy/.

4.2.4 Faktor Bahasa Lain

Faktor ini dikenal pasti daripada data demografi murid yang menunjukkan bahawa bahasa pertuturan yang digunakan kedua banyak di rumah dan di sekolah merupakan bahasa Inggeris. Penyataan ini disokong oleh guru dalam temu bual yang mengatakan bahawa berbanding bahasa Melayu, murid Cina sangat tidak asing dengan bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan apabila murid menyebut perkataan pinjaman bahasa Inggeris, mereka akan terikat kepada sebutan dalam bahasa Inggeris. Selain bahasa Inggeris, murid Cina juga melakukan banyak kesalahan pada perkataan pinjaman bahasa Arab. Penyataan ini dikemukakan dalam petikan temu bual berikut:

“... Lagi-lagi pinjaman Arab, dia tak boleh nak sebut akhbar, bunyi /kh/ tu dia tak boleh nak sebutkan.” (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024).

“... semua tu pinjaman bahasa Arab. Murid memang tak *familiar* la dengan perkataan tu.” (Norhafiza, komunikasi personal, 24 Oktober 2024).

Guru juga menjelaskan bahawa masalah sebutan ini turut menjejaskan ejaan murid semasa menulis. Murid kerap melakukan kesalahan dengan menulis perkataan dalam ejaan bahasa Inggeris. Dalam hal ini, guru turut mengatakan bahawa bahasa pengaruh ini juga sukar diatasi. Tiada cara lain melainkan menekankan kaedah latih tubi pada perkataan yang berkaitan.

4.2.5 Faktor Guru Mata Pelajaran

Faktor ini merupakan penemuan tambahan yang dikenal pasti daripada temu bual bersama guru yang mengajar murid yang terlibat sebagai peserta kajian. Kedua-dua orang guru menegaskan bahasa guru mata pelajaran bahasa Melayu sangat memberi kesan terhadap penguasaan sebutan murid. Dalam hal ini, guru yang ditemu bual mengemukakan dua isu berkaitan faktor guru mata pelajaran, iaitu isu sebutan guru mata pelajaran dalam pertuturan dan pembacaan tidak baku dan isu guru bukan opsyen.

Sebutan guru mata pelajaran yang tidak baku dan menggunakan dialek menyebabkan murid terikut-ikut kesalahan guru. Perkara ini akan menyebabkan murid membiasakan sebutan yang salah jika kesilapan pada peringkat awal tidak ditegur dan diperbetulkan oleh guru. Contohnya, guru terikat kepada sebutan loghat Johor-Riau yang banyak menggantikan bunyi /a/ kepada /ə/. Guru menerangkan bahawa masalah ini banyak berlaku kepada guru yang merupakan penutur natif bahasa Melayu seperti petikan temu bual berikut:

“... Mungkin salah satu faktor yang saya nampak, saya sebagai penutur jati bahasa Melayu kadang-kadang menggunakan sebutan macam tu. Jadi, budak akan terikut apa yang kita sebut. Macam [ki.ta] kan kita sebut [ki.tə].” (Norhafiza, komunikasi personal, 24 Oktober 2024).

Isu guru bukan opsyen pula berkait dengan kekurangan latihan profesional berkaitan fonetik dan fonologi bahasa Melayu. Maka, akan berlaku situasi guru bukan opsyen ini mengajar kandungan pelajaran yang salah kepada murid. Guru turut mengemukakan pendapat bahawa adalah tidak relevan untuk pihak pentadbir sekolah memberi tanggungjawab mengajar murid tahap satu kepada guru bukan opsyen. Perkara ini penting memastikan guru yang diberi amanah mempunyai pengetahuan dalam mata pelajaran itu mengajar tahap satu bagi memastikan asas kemahiran bahasa murid adalah kukuh seperti dalam petikan temu bual berikut:

“... Ia menjadi masalah bila guru yang bukan opsyen diberi tanggungjawab untuk mengajar tahap 1 seperti tahun 1 dan tahun 2. Bagi saya, ia sangat membahayakan dan berisiko la. Sebab kalau cikgu sendiri salah, murid akan terikut apa yang cikgu cakap.” (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024).

4.3 Perbincangan

4.3.1 Kesalahan Sebutan Dalam Kalangan Murid Cina

Kesalahan sebutan berlaku dengan ketara pada kesemua digraf dalam fonem bahasa Melayu. Dalam sistem fonetik bahasa Cina, digraf merupakan fonem awal yang terdiri daripada /zh/, /ch/ dan /sh/. Walaupun fonem /gh/ dan /kh/ dalam bahasa Melayu seakan-akan hampir dengan cara sebutan digraf dalam bahasa Cina, iaitu gabungan dengan bunyi fonem /h/, namun murid masih gagal menyebut fonem /gh/ dan /kh/ dalam bahasa Melayu dengan tepat seperti dalam perkataan “khamis”, “akhir”, “tarikh”, “ghairah” dan “baligh”.

Jika ditelusuri sistem fonetik dalam bahasa Cina, terdapat perbezaan dari aspek fonem digraf. Hanya digraf /ng/ yang sama antara sistem fonetik bahasa Melayu dan bahasa Cina. Dalam sistem fonetik bahasa Cina, fonem /ng/ hanya wujud di posisi belakang seperti perkataan “冬 dōng”, “忙 máng”, “懂 dǒng” dan “送 sòng”. Hal ini berbeza dengan sistem fonetik bahasa Melayu yang fonem /ng/ juga akan berada di posisi depan dan juga tengah seperti dalam perkataan “ngeri” dan “bangun”. Oleh itu, murid tidak mempunyai masalah dalam menyebut perkataan yang mempunyai fonem /ng/ di posisi belakang. Namun kesalahan sebutan berlaku apabila murid menyebut perkataan yang mempunyai fonem /ng/ di posisi depan dan tengah, iaitu dalam perkataan “ngeri” dan “bangun”. Salah satu kesalahan yang dikenal pasti ialah murid menyebut bunyi fonem /ng/ secara berasingan di posisi tengah seperti perkataan “bangun” disebut salah sebagai [ban.gun]. Selain itu, sistem fonetik bahasa Cina yang tiada fonem digraf yang melibatkan gabungan konsonan /y/. Oleh itu, murid adalah asing dengan bunyi fonem /sy/ dan /ny/ seperti dalam perkataan “kenyang”, “televisyen”, “syarat” dan “temasya”. Dengan ini, murid melakukan proses fonologi penggantian semasa menyebut perkataan yang mengandungi digraf /sy/ dan /ny/ berdasarkan keselesaan dan kelancaran sebutan seperti perkataan “kenyang” disebut salah sebagai [ken.jan] dan “temasya” disebut salah sebagai [tə.mas.ya]. Kajian Nor Zulaiqha et al. (2021) juga menunjukkan dapatan yang sama, iaitu murid Cina cenderung melakukan kesalahan semasa menyebut perkataan yang mempunyai fonem /ng/ seperti dalam perkataan “pinggan” dan “menuding”. Begitu juga dengan kajian Chew (2016) yang mendapati bahawa murid Cina sukar menyebut konsonan bergabung /sy/, /ny/ dan /ng/ seperti dalam perkataan “syarikat”, “syahbandar”, “nyamuk”, “nyaring”, “mengamuk” dan “menganga”.

Di samping itu, fonem konsonan /j/ dan /z/ disalah sebut apabila berada di posisi belakang. Masalah ini berlaku kerana sistem fonetik bahasa Cina melibatkan gabungan konsonan awalan dan vokal untuk membentuk satu suku kata, kecuali fonem /n/ dan /ng/. Hanya fonem /n/ dan /ng/ yang dapat membentuk suku kata pada posisi akhir dengan pola VK, KVK, KKVK, KVKK, KVVK, KVVKK dan KKVVKK. Oleh itu, murid adalah asing dengan bunyi konsonan lain yang berada di posisi belakang dalam perkataan seperti dalam perkataan “mesej” dan “lafaz”.

Analisis mendapati bahawa murid Cina melakukan penggantian bunyi /e/ kepada /ə/. Misalnya, perkataan “mesej” disebut salah sebagai [mə.səj] dan “televisyen” disebut salah sebagai [tə.li.vi.sən]. Dalam sistem fonetik bahasa Cina, huruf /e/ hanya mempunyai satu bunyi. Namun, dalam bahasa Melayu, huruf /e/ mempunyai dua bunyi, iaitu e taling /e/ dan e pepet /ə/. Jika dibandingkan, bunyi /e/ dalam sistem fonetik bahasa Cina lebih hampir dengan bunyi e pepet /ə/. Oleh itu, murid Cina cenderung membunyikan huruf /e/ dalam perkataan bahasa Melayu dengan /ə/. Terdapat perbezaan antara dapatan kajian ini dengan dapatan kajian Nora’ Azian dan Fadzilah (2018) yang mendapati bahawa murid Cina menghadapi masalah menggantikan bunyi /ə/ kepada /a/. Begitu juga dengan hasil kajian Durgadevi, Mardian dan Nurul Haniza (2022) yang menunjukkan bahawa murid India cenderung menggantikan bunyi fonem /e/ kepada /i/ seperti perkataan “beli” disebut salah sebagai [bi.li] dan perkataan “terima” disebut salah sebagai [ti.ri.ma]. Murid Cina yang terlibat dalam kajian ini tidak mempunyai masalah yang ketara dalam menyebut fonem /ə/ kerana bunyi vokal /e/ dalam bahasa Cina sama seperti bunyi e pepet dalam bahasa Melayu. Contohnya dalam kajian perkataan “ketat”, “kertas” dan “berat” tidak berlaku kesalahan dari bunyi vokal /ə/.

Selain kecelaruan daripada bahasa ibunda, murid Cina yang fasih berbahasa Melayu juga didapati melakukan kesalahan tidak menyebut perkataan mengikut nilai bunyi setiap huruf. Malah mereka akan mempunyai pengaruh dialek Melayu Johor-Riau. Perakara ini jelas dilihat apabila murid menyebut fonem /a/, /i/ dan penambahan hentian glotis /ʔ/ seperti dalam perkataan “kita”, “rusa” dan “nasi” disebut salah sebagai [ki.tə], [ru.sə] dan [na.siʔ]. Masalah ini turut dikemukakan oleh Nur Farakhanna et al. (2024) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa murid gagal membunyikan perkataan berdasarkan nilai bunyinya mengikut ejaan, sebaliknya menggunakan dialek Melayu Johor-Riau dalam pertuturan seharian. Namun perlu ditekankan bahawa masalah ini hanya berlaku pada murid yang fasih berbahasa Melayu sahaja.

Pengkaji merumuskan bahawa kesalahan sebutan yang dilakukan oleh murid Cina berlaku melibatkan proses fonologi penggantian, pengguguran, pengglotisan, penyisipan glotis, penyisipan faringgal, perendahan vokal tinggi dan penengahan vokal. Secara ringkasnya, proses fonologi ini berlaku kerana ketidakpenguasaan murid Cina terhadap sistem fonetik bahasa Melayu.

4.3.2 Faktor Yang Mempengaruhi Kesalahan Sebutan Murid Cina

Menurut peserta kajian temu bual, faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kesalahan sebutan murid Cina ialah faktor keluarga (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024). Rata-rata ibu bapa masyarakat Cina tidak menekankan kepentingan mempelajari bahasa Melayu. Malah, ada yang menolak pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini boleh dilihat daripada isu pembelajaran tulisan Jawi dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu SJK. Ng (seperti yang dinyatakan dalam Muhammad Azizul, 2019) menjelaskan bahawa punca penolakan terhadap pelaksanaan pembelajaran tulisan jawi di SJK ialah masyarakat Cina takut akan islamisasi. Masyarakat Cina mempunyai persepsi bahawa penerimaan bahasa Melayu dalam pengajaran mata pelajaran di SJK akan menjejaskan kedudukan bahasa Cina sebagai bahasa ibunda mereka.

Sikap lepas tangan oleh ibu bapa jelas dilihat daripada kegagalan murid menguasai asas kemahiran literasi semasa naik ke tahun 1 pada peringkat sekolah rendah. Murid Cina masih tidak mampu membaca dengan lancar. Tahap penguasaan kemahiran membaca terhad kepada perkataan suku kata terbuka. Dapatkan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Chew (2023) yang menyatakan bahawa murid Tahun 1 di SJKC mempunyai tahap literasi menulis yang rendah. Begitu juga dengan kajian Nora' Azian (2020) yang menyatakan bahawa tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid bukan penutur natif di SJKC yang sangat lemah. Mereka tidak mampu membaca dengan lancar dalam bahasa Melayu standard serta mempunyai gangguan bahasa ibunda semasa membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Selain itu, peserta kajian temu bual turut menyatakan bahawa murid zaman sekarang mempunyai sifat kebergantungan terhadap gajet yang sangat tinggi. Namun, kebanyakan rancangan yang ditonton oleh murid menggunakan kemudahan gajet ialah rancangan yang menggunakan bahasa Cina atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (Norhafiza, komunikasi personal, 24 Oktober 2024). Untuk itu, pengkaji mendapati bahawa murid Cina tidak mempunyai minat yang tinggi terhadap rancangan yang menggunakan bahasa Melayu. Peserta kajian temu bual menjelaskan bahawa rancangan animasi Upin dan Ipin hanya mendapat sambutan yang memberangsang daripada murid tahap satu (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024). Situasi ini menggambarkan bahawa kandungan animasi yang lebih mendekati kehidupan seharian murid lebih memudahkan pemahaman murid melalui animasi pergerakan, bukannya bahasa yang didengar. Pengkaji memperlihatkan situasi ini sebagai usaha yang positif dalam menarik perhatian murid bukan penutur natif khususnya untuk terdedah kepada bahasa Melayu.

Faktor yang kedua dominan ialah faktor persekitaran. Dalam konteks kajian ini, persekitaran merujuk kepada komuniti jiran tetangga dan persekitaran di sekolah. Murid Cina kekurangan persekitaran yang memberi peluang kepada mereka untuk mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu. Mereka juga lebih selesai berkawan dengan murid sesama kaum di sekolah. Penyataan ini disokong oleh Nurol Adila (2023) yang menunjukkan bahawa semua etnik lebih selesa untuk bergaul bersama rakan daripada kumpulan etnik yang sama. Oleh itu, mereka jarang menggunakan bahasa Melayu bagi tujuan berkomunikasi dengan komuniti. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa persekitaran di SJK gagal menyediakan persekitaran yang menggalakkan murid menguasai bahasa Melayu kerana masing-masing lebih banyak menggunakan bahasa ibunda untuk bahasa pendidikan dan bahasa komunikasi. Pengkaji berpendapat bahawa cara penyelesaian yang paling efektif untuk masalah ini ialah mengkaji semula keperluan pengoperasian sekolah mengikut aliran dengan tidak menggugat pembelajaran bahasa ibunda dalam sukatan pelajaran formal.

Faktor ketiga dominan dalam mempengaruhi kesalahan sebutan murid ialah faktor guru mata pelajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid Cina mempunyai sifat bergantung kepada penterjemahan yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, jika mata pelajaran bahasa Melayu diajar oleh guru yang sama kaum, iaitu guru Cina percampuran kod dan pertukaran kod banyak digunakan sepanjang PdPc berlangsung. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Durgadevi, Mardian dan Nurul Hamiza (2022) yang membuktikan bahawa antara kesalahan pertuturan yang berlaku dalam kalangan murid bukan penutur natif ialah penukaran kod bahasa. Begitu juga dengan dapatan kajian Angelina et al. (2024) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan motivasi guru

bahasa Melayu bukan opsyen masih ada yang pada rendah. Ternyata bahawa tiada jaminan kualiti pada pengajaran yang disampaikan oleh guru bukan opsyen.

Dalam hal ini, peserta kajian temu bual menjelaskan bahawa pengajaran oleh guru bukan opsyen akan berlaku situasi guru tidak mempunyai ilmu berkaitan fonetik dan fonologi bahasa Melayu (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024). Maka, guru bukan opsyen kurang peka terhadap sebutan bahasa Melayu standard. Bahkan mereka tidak akan menegur kesalahan murid dalam aspek sebutan kerana tidak sedar bahawa murid telah melakukan kesalahan. Tambahan pula, guru mudah mengabaikan aspek sebutan kerana DSKP bahasa Melayu yang tidak begitu menekankan aspek ini.

Selain faktor yang berkaitan dengan pendedahan murid terhadap bahasa Melayu yang bersifat interlingual, dapatan kajian juga mengenal pasti kesalahan interlingual dalam kajian ini. Kesalahan interlingual dalam kajian ini melibatkan faktor bahasa ibunda dan bahasa lain khususnya bahasa Inggeris. Murid Cina sangat terikat kepada penyebutan perkataan bahasa Melayu dengan sistem fonetik bahasa Cina.

Sehubungan dengan perbezaan sistem fonetik antara bahasa Cina dan bahasa Melayu, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelemahan pada penggubalan buku teks SJK bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Kurikulum bahasa Melayu SJK tidak menitikberatkan pengajaran bunyi setiap fonem. Peserta kajian temu bual menyatakan bahawa kandungan buku teks Tahun 1 dimulakan dengan aktiviti mengajukan bunyi setiap huruf dan terus ke aktiviti membaca suku kata terbuka. Fonem yang lebih sukar seperti diftong dan digraf tidak ditekankan pengajaran nilai bunyinya mengikut sistem fonetik bahasa Melayu. Pengajaran bunyi diftong dan digraf juga bersifat permukaan. Malah, digraf /kh/, /gh/ dan /kh/ langsung tidak termasuk dalam kosa kata yang hendak dipelajari oleh murid pada permulaan sukatan pelajaran (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024). Jadi, tidak hairanlah ramai murid melakukan kesalahan sebutan pada fonem tersebut. Pengajaran suku kata tertutup berlaku secara menyisip dengan mencampuradukkan beberapa suku kata tertutup dalam satu sesi PdPc. Aturan sebegini sesungguhnya tidak mampu mengukuhkan penguasaan murid terhadap pembacaan khususnya sebutan yang tepat terhadap suku kata tertutup.

Pembelajaran murid telah menjadi sukar pada bermula Unit keenam dengan melibatkan pembacaan ayat dalam perenggan (Alhaadi, komunikasi personal, 18 Oktober 2024). Peserta kajian turut menjelaskan bahawa murid masih tidak menguasai asas kemahiran membaca untuk suku kata, perkataan dan frasa, tetapi dikehendaki membaca bahan dalam perenggan. Situasi ini telah memudaratkan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Maka, pengkaji berpendapat bahawa perlu adanya penyemakan semula terhadap kesesuaian sukatan pelajaran yang dalam buku teks, terutamanya untuk kegunaan murid di SJK yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang tidak mempunyai asas yang kukuh.

5. Kesimpulan

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa kesalahan sebutan yang dilakukan oleh murid berlaku pada fonem-fonem tertentu sahaja, iaitu /gh/, /ny/, /ng/, /kh/, /sy/, /j/, /z/, /e/, /a/, /i/ serta /ʔ/. Fonem-fonem yang terlibat didapati tiada dalam sistem fonetik bahasa Cina atau terdapat perbezaan nilai bunyi antara bahasa Cina dan bahasa Melayu. Proses fonologi seperti penggantian, pengguguran, penyisipan dan pengglotisan yang diterangkan dalam Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) didapati berlaku semasa murid melakukan kesalahan sebutan. Manakala dapatan kajian tentang faktor yang mempengaruhi kesalahan sebutan murid Cina juga sejajar dengan Teori Analisis Kesalahan Richards (1971), iaitu kesalahan interlingual dan kesalahan intralingual. Kesalahan interlingual meliputi faktor persekitaran, faktor bahasa ibunda dan faktor bahasa lain. Manakala kesalahan intralingual merangkumi faktor keluarga dan faktor guru mata pelajaran. Dalam hal ini, pihak KPM wajar menyemak semula kesesuaian dasar kurikulum, sukatan pelajaran dan bahan pengajaran yang digunakan buat masa sekarang. Dengan adanya pegangan dasar yang sesuai dengan ciri-ciri murid khususnya penutur bukan natif bahasa Melayu, barulah guru dapat menjalankan pengajaran yang bersesuaian bagi memaksimumkan keberhasilan murid secara holistik.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu dalam menyelesaikan kajian ini dengan jayanya.

Rujukan

- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1): 24-31.
- Andi Idayani. (2019). An analysis on students' errors in pronouncing English words. *English Journal of Indragiri (EJI)*, 3(1): 20-28.
- Angelina Derong, Emillen Seliman, Fatin Nadia Ahmad Kamil & Lydia Abdul Talib. (2024). Pengetahuan, kemahiran dan motivasi guru bahasa Melayu bukan opsyen di sekolah kebangsaan daerah Tatau dan Sebauh. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2): 165-182.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 10-12.
- Chew, F. P. (2023). Tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu. *PENDETA*, 14(1): 74-87.
- Chomsky, N. & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English*. New Yrk: Harper & Row, Publishers.
- Chong, P. H., Toh, L. L. & Maisarah Noorezam. (2016). Kajian perbandingan sebutan suku kata bahasa Mandarin dan bahasa Melayu dalam sistem fonetik.
- Corder, S. P. 1981. *Error analysis and interlanguage*. London: Oxford University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1988). *Pedomen umum sebutan baku bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durgadevi Kupusamy, Mardian Shah Omar & Nurul Haniza Samsudin. (2022). Kemahiran bertutur dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Tamil di daerah Seremban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2): 154-160.
- Eugenia Ida Edwards, Kamsilawati Kamlun, Wardatul Akmam Din & Chelster Sherralyn Joeffrey Pudim. (2021). Reading difficulties among Malaysian undergraduate ESL learners: A preliminary study. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(43): 62-70.
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Kecelaruhan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu oleh penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 22(22): 20-36.
- Ian Antaris & Fikriani Aminun Omolu. (2019). Factors affecting pronunciation difficulties of 8th grade students of MTSN Palu Barat. *Journal of Foreign Language and Educational Research*, 2(2): 10-19.
- Indirawati Zahid. (2024). *Fonetik dan fonologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jayapalan, K. & Pillai, S. (2011). The state of teaching and learning English pronunciation in Malaysia: A preliminary study. *Malaysian Journal of ELT Research*, 7(2): 63-81. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lim, H. W. & Lim, S. H. (2017). Sebutan bahasa Melayu oleh penutur Cina (ChinMalay) berdasarkan latar belakang persekolahan. *Jurnal Bahasa*, 17(2): 334-358.
- Muhammad Azizul Osman. (2019, Disember 26). Forum Jawi: Saling memahami. *Malaysia Gazette*.
- Ni Luh Rara Tian Anyar Sari, I Wayan Simpen & Ni Luh Nyoman Seri Malini. (2020). Pronunciation errors in students' English speaking performance. *International Journal of Research Publication (IJRP.ORG)*, 58(1): 92-99.
- Norzahwarthy Kadir. (2006). Tinjauan kesilapan fonologi penutur natif bahasa Iban dalam penguasaan bahasa Melayu standard. *Jurnal Bahasa*, 6(4): 679-969.
- Nora' Azian Nahar. (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1): 107-123.
- Nora' Azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 74-83.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina: Teori analisis kontrastif. *LSP International Journal*, 8(1): 35-55.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Abdul Rasid Jamian, Norfaizah Abdul Jobar & Nur Faazah. (2024). Sebutan vokal tinggi suku kata akhir tertutup guru: Analisis teori fonologi generatif dan sosiofonologi serta kesannya terhadap kesalahan ejaan murid. *Jurnal Bahasa*, 24(1):123-140.
- Nurol Adila Salah @ Saleh. (2023). Kecenderungan interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumulan etnik di sekolah menengah terpilih di Betong, Sarawak. *GEOGRAFI*, 11(2): 36-66.
- Richards, J. C. 1971. A non-contrastive approach to error analysis. *Journal of ELT*, 25: 204-219.
- Yusriati & Selamat Husni Hasibuan. (2019). The analysis of English pronunciation errors by English education students of FKIP UMSU. *Journal of English Education and Teaching*, 3(2): 230-448.

Biodata Penulis

Loo Shu Jing merupakan pelajar Sarjana Pendidikan (Pendidikan Bahasa Melayu), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Azwahanum Nor Shaid merupakan pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.